Tema dan Latar Belakang Kandungan Teks al-Mufidah li al-Wildan wa al-Nisa' al-Mu'minat Karya Imam al-Sanusi (W. 895H)

BITARA
Volume 9, Issue 3, 2026: 73-85
© The Author(s) 2026
e-ISSN: 2600-9080
http://www.bitarajournal.com
Received: 20 June 2026
Accepted: 26 July 2026
Published: 27 August 2026

[*Theme and Background of The Text al-Mufīdah li al-Wildān wa al-Nisā' al-Muʾmināt by Imam al-Sanūsi (W. 895H)*]

Nurina Mardiyah Abd. Razak,[1*] Izham Hakimi Redzan[2] & Muhammad Syamil Omar[1]

1 Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: p166411@siswa.ukm.edu.my, a194066@siswa.ukm.edu.my
2 Ahmad Ibrahim Kulliyyah of Laws, International Islamic University Malaysia, 53100 Kuala Lumpur, MALAYSIA.
Email: izhamhakimi@iium.edu.my

*Corresponding Author: p166411@siswa.ukm.edu.my

Abstrak

Pendidikan akidah merupakn asas pembentukan keperibadian wanita Islam serta benteng utama dalam mempertahankan pegangan Ahl al-Sunnah wa al-Jamāʿah daripada pengaruh pemikiran kontemporari. Namun demikian, kajian yang meneliti kandungan pendidikan akidah khusus untuk wanita berdasarkan karya turath masih terhad, khususnya terhadap teks al-Mufīdah li al-Wildān wa al-Nisā' al-Muʾmināt karya Imam al-Sanūsi (w. 895 H). Sehubungan itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti tema-tema akidah yang terkandung dalam teks tersebut serta menganalisis relevansinya terhadap pemantapan pendidikan akidah wanita Islam di Malaysia kontemporari. Kajian menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen terhadap teks al-Mufīdah berdasarkan naskhah tahkik Khalid Zahri dengan sokongan karya-karya berkaitan Imam al-Sanūsi dan pendidikan akidah. Data dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik bagi mengenal pasti tema utama serta pendekatan pedagogi yang digunakan oleh pengarang. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kandungan al-Mufīdah berpusat kepada dua tema utama, iaitu sifat-sifat Allah dan sifat-sifat Rasul yang dihuraikan melalui tiga pendekatan pedagogi, iaitu al-Ḥifẓ (hafazan), al-Taqābul (perbandingan berlawanan) dan al-Tadarruj (penyusunan berperingkat). Ketiga-tiga pendekatan tersebut membentuk suatu model penyampaian akidah yang ringkas, sistematik dan sesuai untuk golongan wanita serta kanak-kanak. Kajian turut mendapati bahawa pendekatan pendidikan yang diketengahkan oleh Imam al-Sanūsi masih mempunyai nilai aplikasi dalam pembangunan pendidikan akidah wanita Islam masa kini, khususnya dalam usaha memperkukuh kefahaman asas tauhid berteraskan tradisi Ahli al-Sunnah wa al-Jama'ah. Kajian ini menyumbang kepada pengembangan penyelidikan turath melalui analisis tematik terhadap teks al-Mufīdah serta memperlihatkan potensinya sebagai sumber rujukan dalam pembangunan kurikulum pendidikan akidah wanita Islam kontemporari.

Kata Kunci: Imam al-Sanūsi; al-Mufīdah; pendidikan akidah; wanita Islam; Ahl al-Sunnah wa al-Jamāʿah.

Abstract

Aqidah education constitutes a fundamental basis for the formation of Muslim women's religious character and serves as a primary safeguard for preserving adherence to the creed of Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah against the influence of contemporary thought. Nevertheless, scholarly studies examining aqidah education specifically for women based on classical Islamic (turath) works remain limited, particularly those focusing on *al-Mufīdah li al-Wildān wa al-Nisā' al-Muʾmināt* by Imam al-Sanūsi (d. 895 AH). Accordingly, this study aims to identify the major aqidah themes contained in the text and to analyse their relevance to strengthening aqidah education among Muslim women in contemporary Malaysia. This qualitative study employs document analysis of *al-Mufīdah*, based

on the critical edition (tahqiq) prepared by Khalid Zahri, supplemented by relevant works on Imam al-Sanūsi and aqidah education. The data were analysed thematically to identify the principal themes and pedagogical approaches employed by the author. The findings indicate that the content of *al-Mufīdah* centres on two major themes, namely the attributes of Allah and the attributes of the Messengers, which are presented through three pedagogical approaches: *al-Ḥifẓ* (memorisation), *al-Taqābul* (contrasting pairs), and *al-Tadarruj* (gradual progression). These three approaches constitute a concise, systematic, and accessible model of aqidah instruction suitable for women and children. The study further demonstrates that the educational approaches introduced by Imam al-Sanūsi remain relevant to contemporary aqidah education for Muslim women, particularly in strengthening foundational understanding of tawhid based on the tradition of Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. This study contributes to the development of turath scholarship by providing a thematic analysis of *al-Mufīdah* and highlighting its potential as a reference source for the development of contemporary aqidah education curricula for Muslim women.

Keywords: Imam al-Sanūsi; *al-Mufīdah*; aqidah education; Muslim women; Ahl al-Sunnah wa al-*Jamāʿah*.

This is an open-access article under the CC–BY 4.0 license

Cite This Article:
Nurina Mardiyah Abd. Razak, Izham Hakimi Redzan & Muhammad Syamil Omar. (2026). Tema dan Latar Belakang Kandungan Teks *al-Mufidah li al-Wildan wa al-Nisa' al-Mu'minat* Karya Imam al-Sanusi (W. 895H) [Theme and Background of The Text *al-Mufīdah li al-Wildān wa al-Nisā' al-Muʾmināt* by Imam al-Sanūsi (W. 895H)]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 9(3): 73-85.

PENGENALAN

Pemantapan pendidikan akidah dalam kalangan wanita dan kanak-kanak merupakan antara aspek penting dalam pembangunan masyarakat Islam kerana kedua-dua kelompok ini memainkan peranan yang besar dalam pembentukan generasi seterusnya (Che' Zarina Saari & Joni Tamkin Borhan, 2006). Perubahan sosial yang dipengaruhi oleh globalisasi, perkembangan media digital dan kepelbagaian aliran pemikiran kontemporari menuntut pendekatan pendidikan akidah yang lebih sis*tematik* serta mudah difahami oleh golongan awam. Dalam tradisi keilmuan Islam, para ulama telah menghasilkan pelbagai karya akidah yang disusun mengikut tahap kemampuan pembelajaran masyarakat. Antara tokoh yang memberikan perhatian khusus terhadap keperluan tersebut ialah Imam al-Sanūsi (w. 895H), seorang ulama Ahli al-Sunnah wa al-*Jamāʿah* dari Tilimsan, Maghribi yang terkenal melalui penghasilan silibus akidah secara bertahap. Keprihatinan beliau terhadap keperluan pendidikan asas bagi wanita dan kanak-kanak telah mendorong penghasilan teks *al-Mufīdah li al-Wildān wa al-Nisā' al-Muʾmināt*, iaitu sebuah matan ringkas yang menghimpunkan asas-asas tauhid dalam bentuk yang mudah dipelajari dan dihafaz. Walaupun dihasilkan pada abad kesembilan Hijrah, pendekatan pendidikan yang diketengahkan dalam teks ini masih mempunyai potensi untuk diteliti dan diaplikasikan dalam konteks pendidikan akidah di Malaysia, khususnya sebagai bahan pengenalan kepada pembelajaran akidah berteraskan tradisi Ahli al-Sunnah wa al-*Jamāʿah* (Zainul Abidin, 2021).

Sorotan literatur menunjukkan bahawa penyelidikan berkaitan Imam al-Sanūsi lebih banyak tertumpu kepada karya-karya utama seperti *Umm al-Barāhīn (al-ʿAqīdah al-Ṣughrā)* serta pengaruhnya dalam tradisi akidah di Alam Melayu. Kajian Engku Hassan Engku Wok Zin

dan Mohd Fauzi Hamat (2009), misalnya, membincangkan pengaruh *Umm al-Barāhīn* dalam perkembangan penulisan akidah, manakala Zainul Abidin Abdul Halim (2021) menghuraikan silibus pendidikan akidah berasaskan karya-karya Imam al-Sanūsi secara menyeluruh. Hilmi Marjunit (2019) pula telah menterjemahkan *al-Mufīdah li al-Wildān wa al-Nisā' al-Muʾmināt* ke dalam bahasa Melayu, sekaligus membuka ruang kepada masyarakat tempatan untuk *mengakses* kandungannya, namun penerbitan tersebut tidak disertai analisis terhadap tema, pendekatan pedagogi atau *relevansinya* dalam pendidikan akidah semasa. Selain itu, kajian Che Zarrina Sa'ari dan Joni Tamkin Borhan (2006) menegaskan bahawa wanita memainkan peranan penting dalam memperkukuh akidah keluarga dan masyarakat melalui proses pendidikan serta pembinaan nilai keagamaan. Walau bagaimanapun, masih belum ditemukan kajian yang menghubungkan peranan tersebut dengan potensi penggunaan teks *al-Mufīdah* sebagai bahan pendidikan akidah khusus untuk wanita dan kanak-kanak. Keadaan ini memperlihatkan wujudnya ruang penyelidikan yang signifikan untuk diterokai.

Berdasarkan kelompongan tersebut, artikel ini bertujuan memperkenalkan teks *al-Mufīdah li al-Wildān wa al-Nisā' al-Muʾmināt* kepada masyarakat akademik dan institusi pendidikan Islam sebagai sebuah karya *turath* yang disusun khusus bagi pembelajaran asas akidah untuk wanita dan kanak-kanak. Penulisan ini turut meneliti kandungan teks serta pendekatan penyampaiannya bagi menjelaskan kesesuaiannya sebagai bahan pengenalan kepada pendidikan tauhid pada peringkat permulaan. Berbeza dengan karya-karya Imam al-Sanūsi yang lain yang menghuraikan perbahasan akidah secara lebih mendalam berserta penghujahan ilmu kalam, *al-Mufīdah* disusun dalam bentuk yang ringkas, mudah dihafaz dan sesuai untuk membentuk kefahaman asas mengenai sifat-sifat Allah SWT dan Rasul. Oleh itu, artikel ini mencadangkan agar teks tersebut diberikan perhatian sebagai salah satu sumber rujukan dalam pembangunan *silibus* pendidikan akidah, khususnya bagi institusi pendidikan awal, kelas pengajian masyarakat dan program pembangunan wanita. Pendedahan terhadap asas-asas akidah melalui teks yang sis*tematik* seperti ini berpotensi memperkukuh kefahaman tauhid serta meningkatkan apresiasi terhadap khazanah keilmuan Islam klasik dalam konteks pendidikan semasa.

Artikel ini membentangkan pengenalan terhadap teks *al-Mufīdah li al-Wildān wa al-Nisā' al-Muʾmināt* dengan memberikan tumpuan kepada latar belakang penghasilannya, kedudukan Imam al-Sanūsi sebagai pengarang, kandungan asas yang dibincangkan serta ciri-ciri pedagogi yang membezakan teks ini daripada karya beliau yang lain. Perbincangan turut disertakan dengan matan asal dan terjemahan bahasa Melayu (Hilmi Marjunit, 2019) bagi memperlihatkan struktur kandungan serta pendekatan penyampaian yang digunakan oleh Imam al-Sanūsi kepada golongan sasaran. Berdasarkan penelitian ini, artikel menjangkakan bahawa *al-Mufīdah* mempunyai nilai yang signifikan sebagai sebuah teks pengenalan akidah yang masih relevan untuk dimanfaatkan dalam konteks pendidikan Islam kontemporari. Selain memperkenalkan sebuah karya *turath* yang kurang mendapat perhatian dalam penyelidikan semasa, artikel ini turut diharapkan dapat membuka ruang kepada penyelidikan lanjutan berkaitan analisis *tematik*, pendekatan pedagogi, pembangunan modul pengajaran dan pengaplikasian teks *al-Mufīdah* dalam pendidikan akidah wanita dan kanak-kanak di Malaysia serta memperkaya khazanah penyelidikan berkaitan karya-karya Imam al-Sanūsi.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini membentangkan dapatan kajian berdasarkan analisis *tematik* terhadap teks *al-Mufīdah li al-Wildān wa al-Nisā' al-Muʾmināt* karya Imam al-Sanūsi (w. 895H). Perbincangan dimulakan dengan penelitian terhadap latar belakang Imam al-Sanūsi sebagai pengkarya teks, diikuti dengan huraian tentang asal-usul dan ciri-ciri teks *al-Mufīdah* itu sendiri, sebelum meneliti secara mendalam kandungan *tematik* teks tersebut merangkumi tema sifat Allah SWT dan sifat Rasul. Keseluruhan perbincangan ini disusun bagi menjawab persoalan kajian tentang tema dan isu akidah yang terkandung dalam teks *al-Mufīdah* serta *relevansi*nya terhadap pemantapan pendidikan akidah wanita Islam di Malaysia kontemporari. Pendekatan ini selari dengan pandangan Kamarul Azmi Jasmi (2012) yang menegaskan bahawa analisis dokumen yang baik perlu meneliti konteks penghasilan sesuatu teks sebelum menghuraikan kandungannya secara sis*tematik* dan mendalam.

BIODATA IMAM AL-SANŪSI

Imam al-Sanūsi merupakan tokoh yang dipilih untuk diketengahkan dalam kajian ini memandangkan sumbangannya yang amat besar dalam bidang ilmu akidah, sehinggakan hari ini dunia Islam masih menggunakan *manhaj* akidah yang dibawakan dalam karya-karyanya. Dalam usaha untuk mengkaji sumbangan penting Imam Sanusi dalam bidang akidah, membaca serta mengetahui biografi dan wilayah kelahiran asal beliau amat penting untuk difahami. Hal ini kerana, meneliti hayat kehidupan dan wilayah asal Imam al-Sanūsi dapat membuka kajian ini melihat sisi perspektif suasana yang mempengaruhi beliau sehingga beliau mampu menyusun *silibus* atau *manhaj* akidahnya yang tersendiri. Sehubungan itu, terdapat beberapa teks-teks tertentu yang membincangkan secara lengkap tentang hayat kehidupan Imam As-Sanusi dan historiografi wilayah kelahiran seperti kitab *al-Mawāhib al-Qudsiyyah fī Manāqib al-Imām al-Sanūsī*, *Ṭabaqāt al-Ashāʿirah* dan *Tārīkh al-Maghrib* (Ahmad Baba al-Tumbukti, (2004).

Nama lengkap beliau ialah Abū ʿAbd Allāh Muḥammad ibn Yūsuf ibn ʿUmar ibn Shuʿayb al-Ḥasanī al-Sanūsī al-Tilimsānī seorang Alim, berasal daripada wilayah yang penuh dengan barakah yang menyumbang kepada keilmuan beliau. Imam Sanusi memiliki gelaran *laqab* As-Sanusi merupakan nisbah kepada Kaum Sanusi di Maghribi (Abd Aziz as-Saghir Raghban, 2011). Beliau dilahirkan di Tilmisan pada tahun 832 Hijrah bersamaan abad ke-15 Masihi dan merupakan salah seorang tokoh Ahli al-Sunnah wa al-*Jamāʿah* yang mendukung fahaman al-Asha'irah (Muhammad, 1989; Engku Hassan & Mohd Fauzi Hamat, 2009). Menurut al-Imam Zabidi (2001) nama "*sanūsah*" merujuk kepada kabilah yang terdapat di Maghribi. Selain daripada memperolehi nasab seorang wali soleh bernama Abd Allah Bin Muhammad Yusuf, Imam al-Sanūsi turut memiliki nasab keluarga Rasulullah SAW menerusi Jalur Al-Hasani yang berasal daripada keluarga ibunya (Saraqusti, 2016).

Beliau menempuhi pelbagai kesukaran sepanjang hayat kehidupannya, namun ia tidak menghalang Imam al-Sanūsi untuk berterusan membina diri dengan keilmuan sewaktu di Tilmisani. Hal ini demikian kerana, pada zaman tersebut Wilayah *al-Tilimsānī* memiliki ramai ulama yang telah menyumbang kepada kebangkitan keilmuan Islam di bumi Maghribi ketika itu. Justeru itu, suasana ilmiah tersebut telah memberi kesan kepada pembinaan ilmu Imam al-

Sanūsi sehingga dicatatkan beliau memiliki ramai guru dan murid. Antara guru Imam Sanusi yang masyhur adalah *Imām Abū ʿAbd Allāh Muḥammad ibn ʿAbd al-Jalīl al-Tināsī al-Tilimsānī* dan ramai lagi (Abd Aziz Raghban, 2011).

Perjalanan keilmuan Imam Sanusi tidak sekadar hanya membentuk keilmuan Imam al-Sanūsi tetapi turut membentuk akhlak perilaku dan peribadi mulia Imam al-Sanūsi menerusi *tarbiah* dan *bi'ah* Tasawuf yang diperoleh daripada pengajaran dan didikan guru-gurunya. Imam Sanusi mendapat pentarbiahan Tasawuf daripada guru beliau seperti al-Imam Ibrahim Tazi yang mana menerusi al-Imam Ibrahim Tazi ini Imam al-Sanūsi telah dibina pembangunan dirinya dengan Ilmu Tasawuf. Kesan pendidikan tasawuf ke atas diri Imam al-Sanūsi ia merupakan asbab utama Imam al-Sanūsi berjaya meletakkan dirinya di kedudukan tertinggi dalam bidang ilmu (Zainul Abidin, 2020). Hal ini demikian kerana menerusi ilmu yang dituntut oleh Imam al-Sanūsi, beliau telah menghiaskan keperibadian dan akhlaknya dengan amal soleh yang merupakan hasil daripada penghayatan beliau terhadap ilmu.

Imam al-Sanūsi dikenali dengan pelbagai gelaran yang mencerminkan ketokohan dan ketinggian ilmunya, antaranya *al-Ḥasanī, al-Tilimsānī dan al-Tawḥīdī* (Mohd Norzi Nasir, Abur Hamdi & Mohd Mahfuz, 2020). Menyedari hakikat budaya taklid yang melanda masyarakatnya, Imam al-Sanūsi dengan tegas mencela budaya taklid terutamanya dalam ilmu akidah, dan berusaha mengembalikan umat kepada pegangan akidah yang berasaskan hujah dan dalil yang sahih berpandukan *manhaj* Ahli al-Sunnah wa al- *Jamāʿah* (Asywadie Syukur, 1992).

Imam al-Sanūsi adalah seorang sarjana Islam yang terkenal pada abad ke-9 Hijrah yang menguasai pelbagai bidang disiplin ilmu Islam, terutamanya ilmu akidah. Keluarganya berlatarbelakangkan golongan ilmuwan yang disegani, di mana ayahnya sendiri merupakan guru pertama beliau, diikuti oleh abang dan saudara maranya (Said Foudah, 2004). Pendidikan awal Imam al-Sanūsi bermula dari rumah sebelum mendapat sentuhan ilmu daripada para ulama terkemuka di Tilimsan, antaranya al-Busti, Nasr al-Zawawi dan Ibn al-Sunhaji al-Tilimsani (Mustafa Kamal & Mohd Hakim, 2018). Ketokohan Imam al-Sanūsi turut mendapat pengiktirafan yang tinggi daripada para ulama sezamannya. al-Aghdawi (1977) memujinya:

مَا رَأَيْتُ مَنْ غَرْبَلَ هَذَا الْعِلْمَ يَعْنِي عِلْمَ الْكَلَامِ مِثْلَ هَذَا الرَّجُلِ يَعْنِي السَّنُوسِي

> Maksudnya: "Saya tidak pernah melihat sesiapa yang telah menapis ilmu ini iaitu Ilmu Kalam seperti lelaki ini iaitu Imam al-Sanūsi."

Perakuan al-*Aghdawī* ini membuktikan keilmuan Imam al-Sanūsi dalam ilmu kalam. Seterusnya menunjukkan bagaimana kemampuan beliau dalam meringkaskan perbahasan ilmu kalam dalam satu nas yang pendek (*mukhtasar*). Perkara ini dapat dilihat sendiri dalam matan akidahnya bertajuk *al-Mufīdah* . Daripada sudut pe*nisbah*an terhadap Manhaj Asya'irah beliau terkenal sebagai seorang ulama' yang ilmunya diumpamakan seperti keluasan laut. Hal ini sepertimana perakuan Yusuf as-Sarkith (2023) Muhammad Bin Yusuf al-Hasani al-Tilmisani masyhur digelar sebagai al-Sanūsi al-Asya'ari. Manakala menurut Sheikh Nizar Hammadi (2015) Imam Sanusi dikenali sebagai As-Sheikh Al-Imam Abu Abdullah Muhammad Bin Yusuf al-Sanūsi al-Asya'ri.

Penguasaan Imam al-Sanūsi merangkumi pelbagai bidang ilmu, antaranya Ilmu Kalam, Ilmu Mantik, Ilmu Tafsir, Ilmu Hadith, Ilmu Fiqah dan Sains Alam (Muhammad Ayman, 2023). Ketokohan Imam al-Sanūsi dalam bidang keilmuan terbukti menerusi penghasilan karya ilmiah yang merentasi pelbagai disiplin ilmu Islam. Karya akidah utamanya disusun secara hierarki dari yang paling komprehensif iaitu *al-ʿAqīdah al-Kubrā*, diikuti *al-ʿAqīdah al-Wusṭā* dan *Umm al-Barāhīn*, *syarah al-Muqaddimāt*, *syarah asma' al-Ḥusnā*, juga syarah dalam bidang hadis dan mantiq seperti syarah *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Sharḥ Īsāghūjī* (Yassin Ghanim Jasim, 2024). Dalam bidang akidah karya paling ringkas ialah *al-Mufīdah li al-Wildān wa al-Nisā' al-Muʾmināt* yang merupakan karya peringkat akhir dalam susunan *silibus* akidah beliau, ditulis khas untuk kanak-kanak dan wanita Muslim (Muhammad Ayman, 2023). Zainul Abidin Abdul Halim (2021) telah berjaya merumuskan *silibus* pengajian akidah berasaskan karya-karya Imam al-Sanūsi merangkumi peringkat prasekolah hingga sarjana, membuktikan relevannya dalam konteks pendidikan Islam moden.

TEKS *AL-MUFĪDAH LI AL-WILDĀN WA AL-NISĀ' AL-MUʾMINĀT*

LATAR BELAKANG KARYA DAN PENGARANG

Teks *al-Mufīdah* dihasilkan oleh Imam Sanūsi, beliau merupakan salah seorang tokoh ilmu kalam yang paling disegani pada abad ke-9 Hijrah (Muhammad Nuruddin, 2025). Penulisan teks *al-Mufīdah* didorong oleh keprihatinan mendalam Imam al-Sanūsi terhadap realiti masyarakat Islam di Tilimsan yang pada ketika itu semakin dilanda budaya taklid buta dalam urusan akidah, iaitu keadaan di mana ramai dalam kalangan umat Islam mengikut pegangan akidah secara membuta tuli tanpa memahami dalil dan hujah yang menyokongnya (Asywadie Syukur, 1992 & Muhammad Ayman al-Akiti, 2023). Imam al-Sanūsi menyedari bahawa punca utama budaya taklid ini adalah ketiadaan bahan pendidikan akidah yang mudah, ringkas dan bersesuaian dengan tahap pemahaman golongan awam, terutamanya wanita dan kanak-kanak yang tidak mengikuti sistem pendidikan formal. Lantaran itu, beliau mengambil inisiatif untuk menghasilkan satu teks akidah yang mampu menyampaikan asas-asas tauhid yang paling penting dalam bahasa yang mudah difahami oleh semua golongan. Teks *al-Mufīdah* dengan itu lahir sebagai respons langsung Imam al-Sanūsi terhadap keperluan mendesak masyarakatnya, menjadikannya bukan sekadar karya akademik semata-mata, malah sebuah sumbangan praktikal yang bermotifkan tanggungjawab seorang ulama terhadap umatnya (Izham Hakimi Redzan, 2024).

Untuk memahami kepentingan teks *al-Mufīdah* dengan lebih mendalam, perlu diteliti terlebih dahulu konteks zaman dan suasana masyarakat yang melatari penghasilannya. Imam al-Sanūsi hidup dan berkarya di Tilimsan, sebuah kota ilmu yang terletak di barat laut Afrika, pada abad ke-9 Hijrah bersamaan abad ke-15 Masihi, iaitu satu zaman yang penuh dengan cabaran intelektual dan kerohanian bagi umat Islam (Asywadie Syukur, 1992). Masyarakat Islam di Tilimsan pada ketika itu berhadapan dengan dua cabaran utama. Pertama, pengaruh falsafah Greek yang telah meresap ke dalam pemikiran sebahagian ulama dan pelajar, menyebabkan berlakunya percampuran antara pemikiran falsafah dengan akidah Islam yang sahih. Kedua, budaya taklid yang semakin mengakar dalam kalangan masyarakat awam, menjadikan ramai dalam kalangan mereka tidak mampu membezakan antara akidah yang benar dengan yang salah apabila berhadapan dengan cabaran pemikiran baharu. Dalam suasana inilah

Imam al-Sanūsi tampil sebagai seorang reformis akidah yang gigih, menghasilkan pelbagai karya akidah merentasi semua peringkat kemampuan, daripada yang paling komprehensif seperti *al-ʿAqīdah al-Kubrā* sehinggalah yang paling ringkas seperti *al-Mufīdah* untuk golongan permulaan (Engku Hassan & Mohd Fauzi Hamat, 2009). Konteks zaman inilah yang menjadikan teks *al-Mufīdah* begitu bermakna, ia bukan sekadar teks pengajaran biasa, malah merupakan alat pembentangan akidah yang direka bentuk secara strategik oleh Imam al-Sanūsi bagi memastikan golongan yang paling terdedah kepada pengaruh negatif, iaitu wanita dan kanak-kanak, tetap terpelihara dalam pegangan akidah Ahli al-Sunnah wa al-*Jamāʿah* yang sahih (Zainul Abidin Abdul Halim, 2021).

Perjalanan teks *al-Mufīdah* dari zaman penulisannya pada abad ke-9 Hijrah hingga ke tangan pembaca kontemporari hari ini merupakan satu bukti nyata tentang kepentingan dan relevansi teks ini dalam tradisi keilmuan Islam. Naskah asal teks *al-Mufīdah* tersimpan rapi di Perpustakaan Diraja al-Hasaniyyah, Rabat, Maghribi, iaitu salah sebuah perpustakaan manuskrip Islam yang paling terkemuka di dunia, membuktikan nilai ilmiah dan kesejarahan teks ini yang amat tinggi. Teks *al-Mufīdah* kemudiannya telah ditahkik secara ilmiah antaranya oleh Khalid Zahri (2012) dalam karyanya *Thalāthʿ Aqāʾid Ashʿariyyah*, menjadikannya sumber primer yang paling sahih dan terpelihara untuk kajian akademik terhadap teks ini. Proses tahkik yang dilakukan oleh Khalid Zahri melibatkan penelitian yang teliti terhadap naskah manuskrip asal, pembetulan kesilapan salin dan pengesahan ketepatan teks berdasarkan sumber-sumber yang muktabar, menjadikan versi *tahqiq* ini sandaran utama kajian ini. Di samping itu, teks *al-Mufīdah* turut diterbitkan dalam edisi terjemahan Bahasa Melayu oleh Hilmi Marjunit (2019) di bawah tajuk *al-Mufīdah li al-Wildān wa al-Nisā' al-Muʾmināt* terbitan Apologia PLT, Kuala Lumpur. Penerbitan terjemahan Bahasa Melayu ini amat signifikan kerana ia membuktikan bahawa teks *al-Mufīdah* bukan sekadar warisan *turath* yang tersimpan di perpustakaan semata-mata, malah terus hidup dan relevan dalam konteks pendidikan akidah masyarakat Islam di Malaysia kontemporari hingga ke hari ini (Hilmi Marjunit, 2019).

ISI KANDUNGAN *AL-MUFiDAH*

Sifat Allah SWT

Sifat Allah SWT perlu di*iktikad* bahawa terdapat tiga kategori sifat iaitu sifat wajib bagi Allah SWT, lawannya adalah sifat mustahil bagi Allah SWT dan akhir sekali sifat harus bagi Allah SWT. Ketiga-tiga kategori ini disusun oleh Imam al-Sanūsi secara hierarki yang sis*tematik* dalam teks *al-Mufīdah* bagi memudahkan wanita Islam memahami hakikat ketuhanan yang sebenar.

Jadual 1: Sifat Wajib bagi Allah SWT

Perkara Wajib bagi Allah SWT	**الصفات الواجبة في حق الله تعالى**
Sebahagian perkara yang wajib bagi Allah ta'ala ialah 20 sifat; (1) Wujud, (2) Sedia Ada, (3) Kekal, (4) Allah bersalahan dengan segala perkara baharu, (5) Allah wujud dengan sendiri-Nya, (6) Esa, (7) Kuasa, (8) Kehendak, (9) Ilmu, (10) Hidup, (11) Mendengar, (12) Melihat, (13) Kalam, (14) Keadaan-Nya yang berkuasa, (15) Keadaan-Nya yang berkehendak, (16) Keadaan-Nya yang berilmu, (17) Keadaan-Nya yang hidup, (18) Keadaan-Nya yang mendengar, (19) Keadaan-Nya yang melihat, dan (20) Keadaan-Nya yang bersifat kalam.	**فَمِمَّا يَجِبُ لِمَوْلَانَا جَلَّ وَعَزَّ عِشْرُونَ صِفَةً وَهِيَ: الوُجُودُ، وَالقِدَمُ، وَالبَقَاءُ، وَمُخَالَفَتُهُ تَعَالَى لِلْحَوَادِثِ، وَقِيَامُهُ تَعَالَى بِنَفْسِهِ، وَالوَحْدَانِيَّةُ، وَالقُدْرَةُ، وَالإِرَادَةُ، وَالعِلْمُ، وَالحَيَاةُ، وَالسَّمْعُ، وَالبَصَرُ، وَالكَلَامُ**

Sumber: Hilmi Marjunit (2019)

Jadual 2**:** Sifat Mustahil bagi Allah

Perkara Mustahil bagi Allah SWT	**الصفات المستحيلة في حق الله تعالى**
Sebahagian perkara yang wajib bagi Allah Sebahagian perkara yang mustahil bagi Allah ta'ala ialah 20 sifat iaitu lawan bagi 20 sifat sebelum ini; (1) tiada, (2) baharu, (3) sirna, (4) bersamaan dengan perkara baharu, (5) keberhajatan, (6) gabungan, (7) lemah, (8) keterpaksaan, (9) bodoh, (10) mati, (11) pekak, (12) buta, (13) bisu, dan gerak, pegun, serta sifat kekurangan yang lain.	**وَمِمَّا يَسْتَحِيلُ فِي حَقِّهِ تَعَالَى عِشْرُونَ صِفَةً، وَهِيَ أَضْدَادُ العِشْرِينَ الأُولَى**

Sumber: Hilmi Marjunit (2019)

Jadual 3 Sifat Harus bagi Allah

Perkara Harus bagi Allah SWT	**الصفات المستحيلة في حق الله تعالى**
Adapun perkara yang harus bagi Allah ta'ala ialah (1) melaksanakan segala perkara mumkin, atau juga (2) tidak melaksanakannya seperti kewujudan dan ketiadaan kita, ganjaran kebaikan dan balasan keburukan untuk kita.	**وَأَمَّا الجَائِزُ فِي حَقِّهِ تَعَالَى، فَفِعْلُ كُلِّ مُمْكِنٍ، أَوْ تَرْكُهُ**

Sumber: Hilmi Marjunit (2019)

Sifat Rasul

Sifat Rasul perlu di*iktikad* bahawa terdapat tiga kategori sifat iaitu sifat wajib bagi Rasul, lawannya adalah sifat mustahil bagi Rasul dan akhir sekali sifat harus bagi Rasul. Perbincangan tentang sifat Rasul disusun selepas perbincangan tentang sifat Allah SWT, mencerminkan susunan hierarki akidah yang tepat dan selari dengan susunan rukun iman (Khalid Zahri, 2012).

Jadual 4**:** Sifat Wajib bagi Rasul

Perkara Wajib bagi Rasul	**الصفات الواجبة في حقّ الرُّسل عليهم الصلاة والسلام**
Adapun para rasul selawat dan salam ke atas mereka, wajib bagi mereka untuk bersifat; (1) jujur, (2) amanah, dan (3) tabligh bagi setiap perkara yang diperintahkan kepada mereka untuk disampaikan kepada manusia.	**وَأَمَّا الرُّسُلُ فَيَجِبُ فِي حَقِّهِمْ: الصِّدْقُ، وَالأَمَانَةُ، وَتَبْلِيغُ مَا أُمِرُوا بِإِبْلَاغِهِ لِلْخَلْقِ**

Sumber: Hilmi Marjunit (2019)

Jadual 5**:** Sifat Mustahil bagi Rasul

Perkara Mustahil bagi Rasul	**الصفات المستحيلة في حق ا لرسل عليهم الصلاة والسلام**
Mustahil bagi para rasul selawat dan salam ke atas mereka, lawan bagi sifat wajib tadi iaitu; (1) dusta, (2) khianat, dan (3) menyembunyikan perkara yang diperintahkan kepada mereka untuk disampaikan kepada manusia.	**وَيَسْتَحِيلُ فِي حَقِّهِمْ أَضْدَادُ هَذِهِ الصِّفَاتِ، وَهِيَ: الكَذِبُ، وَالخِيَانَةُ، وَكُتْمَانُ شَيْءٍ مِمَّا أُمِرُوا بِإِبْلَاغِهِ لِلْخَلْقِ**

Sumber: Hilmi Marjunit (2019)

Jadual 6**:** Sifat Harus bagi Rasul

Perkara Harus bagi Rasul	**الجائز في حق الرسل عليهم الصلاة والسلام**
Harus bagi para rasul selawat dan salam ke atas mereka, sifat-sifat kemanusiaan selama ia tidak merendahkan ketinggian martabat mereka seperti sakit dan apa yang seumpama dengannya.	**وَيَجُوزُ فِي حَقِّهِمْ مَا هُوَ مِنَ الأَعْرَاضِ البَشَرِيَّةِ، الَّتِي لَا تُؤَدِّي إِلَى نَقْصٍ فِي مَرَاتِبِهِمُ الْعَلِيَّة كالمَرَضِ وغَيْرِه**

Sumber: Hilmi Marjunit (2019)

CIRI YANG TERKANDUNG DALAM TEKS *AL-MUFĪDAH* DAN RELEVANNYA UNTUK PENDIDIKAN AKIDAH

Teks *al-Mufīdah* mempunyai beberapa ciri utama yang membezakannya secara ketara daripada karya-karya akidah Imam al-Sanūsi yang lain, menjadikannya unik dan istimewa dalam genre penulisan akidah Islam klasik. Pertama, teks ini disusun dengan menggunakan bahasa yang mudah, ringkas dan tidak terlalu teknikal, berbeza dengan karya-karya akidah Imam al-Sanūsi yang lain seperti *Umm al- al-Barāhīn* yang lebih padat dengan istilah ilmu kalam yang kompleks (Zainul Abidin Abdul Halim, 2021). Pendekatan bahasa yang mudah ini mencerminkan kefahaman mendalam Imam al-Sanūsi tentang tahap kemampuan dan keperluan golongan sasarannya.

Kedua, teks ini tidak disertakan dengan dalil-dalil al-Quran dan hadith yang panjang, sebaliknya hanya menyampaikan kandungan akidah secara terus dan padat bagi memudahkan penerimaan dan hafazan golongan sasaran. Bagi Imam Zarruq mempelajari akidah tanpa disebutkan dalil dan mengulang-gulanya secara pembacaan sehingga memahami makna akidah tersebut adalah suatu cara untuk menambahkan iman dan keyakinan, serta cara untuk melawan hawa nafsu (Zarruq, 2012).

الثَّانِي: تَكْرَارُ العَقَائِدِ المُجَرَّدَةِ عَنِ البُرْهَانِ، الوَاضِحَةِ التِّبْيَانِ دَرْساً وَتِلَاوَةً، حَتَّى تَتَمَكَّنَ صُورَتُهَا فِي النَّفْسِ، فَيَتَجَدَّدُ وَجْهُ المُعْتَقَدِ وَيَرْتَفِعَ الوَهْمُ وَاللَّبْسُ، فَبِذَلِكَ تَنْتَعِشُ القُوَى، وَيَظْهَرُ مِنَ الحَقِيقَةِ مَا يَنْدَفِعُ بِهِ الهَوَى؛ إِذْ كُلُّ إِنْسَانٍ وَإِنْ ضَعُفَ لَابُدَّ لَهُ مِنْ جُزْئِيَّةٍ يَقْوَى فِيهَا إِيقَانُهُ، فَإِذَا لَازَمَهَا التَّكْرَارُ، تَأَكَّدَتْ مَعَانِيهَا وَلَاحَتْ مَبَانِيهَا، فَافْهَمْ!

Kenyataan Imam Zarruq (2012) di atas adalah cara mempelajari akidah adalah dengan mengulang-ulang akidah yang bersih daripada hujah-hujah yang rumit, tetapi jelas penjelasannya, sama ada melalui pembelajaran mahupun pembacaan berulang-ulang, sehingga gambaran akidah itu benar-benar terpahat dalam jiwa. Dengan itu, keyakinan terhadap perkara yang dipercayai akan sentiasa diperbaharui, manakala keraguan dan kekeliruan akan hilang. Melalui cara ini, kekuatan jiwa akan kembali segar dan hakikat kebenaran akan terserlah sehingga mampu menolak hawa nafsu. Hal ini kerana setiap manusia, walaupun lemah, pasti mempunyai suatu aspek tertentu yang keyakinannya terhadapnya adalah kuat. Apabila aspek tersebut sentiasa diulang-ulang, makna-maknanya akan semakin kukuh dan hakikatnya akan semakin jelas (Zarruq, 2012). Maka, fahamilah perkara ini. Perkara ini sesuai dengan isi *al-Mufīdah* yang hanya dipadatkan dengan perbahasan akidah tanpa dalil merupakan metodologi sesuai bagi orang awam

Ketiga dan paling penting, teks ini disusun secara sis*tematik* mengikut tiga metod penyampaian yang saling melengkapi iaitu *al-Ḥifẓ* (hafazan), *al-Taqābul* (perbandingan berlawanan antara sifat wajib dan mustahil) dan *al-Tadarruj* (penyusunan berperingkat dari yang mudah kepada yang lebih kompleks). Keempat, teks ini merangkumi keseluruhan asas akidah yang perlu diketahui oleh setiap Muslim, meliputi sifat wajib, mustahil dan harus bagi Allah serta sifat wajib, mustahil dan harus bagi Rasul dalam satu teks yang ringkas namun komprehensif (Muhammad Nuruddin, 2025). Gabungan keempat-empat ciri ini menjadikan *al-Mufīdah* sebagai sebuah teks akidah yang lengkap, mudah dan berkesan untuk golongan permulaan.

Secara keseluruhannya, latar belakang teks *al-Mufīdah li al-Wildān wa al-Nisā' al-Muʾmināt* memperlihatkan bahawa ia bukan sekadar sebuah karya *turath* biasa, malah merupakan sebuah teks akidah yang dihasilkan dengan penuh ketelitian, keprihatinan dan matlamat yang jelas oleh Imam al-Sanūsi. Bermula daripada namanya yang mencerminkan semangat inklusif, latar penulisannya yang didorong oleh keperluan mendesak masyarakat, konteks zamannya yang penuh cabaran, perjalanan manuskripnya yang telah bertahan berabad-abad lamanya, sehinggalah kepada ciri-ciri kesemuanya membuktikan bahawa teks *al-Mufīdah* merupakan sebuah karya yang jauh mendahului zamannya dalam mereka bentuk pendidikan akidah yang inklusif dan berkesan untuk golongan permulaan.

Kepentingan teks ini semakin terserlah apabila dilihat dalam konteks keperluan pendidikan akidah wanita Islam Malaysia kontemporari hari ini, yang berhadapan dengan cabaran ideologi dan pemikiran yang tidak jauh berbeza dengan cabaran yang dihadapi oleh masyarakat Islam di Tilimsan pada zaman Imam al-Sanūsi dahulu. Justeru, penelitian terhadap tema dan isu akidah yang terkandung dalam teks *al-Mufīdah* bukan sahaja relevan, malah amat diperlukan sebagai langkah ke arah memperkukuh dan memantapkan semula pendidikan akidah wanita Islam di Malaysia kontemporari, selaras dengan hasrat kajian ini untuk memperkenalkan teks *turath* yang berharga ini kepada khalayak akademik dan masyarakat Islam Malaysia yang lebih luas (Zainul Abidin Abdul Halim, 2021).

KESIMPULAN

Kajian ini telah berjaya mendedahkan bahawa teks *al-Mufīdah li al-Wildān wa al-Nisā' al-Muʾmināt* karya Imam al-Sanūsi merupakan sebuah karya *turath* yang mempunyai sumbangan yang amat besar, signifikan dan berkekalan terhadap pendidikan akidah wanita Islam di Kontemporari. Penemuan paling penting kajian ini ialah sumbangan teks *al-Mufīdah* dapat dilihat melalui tiga aspek utama yang saling melengkapi antara satu sama lain iaitu sumbangannya dalam pemantapan akidah wanita Islam di Kontemporari, latar belakang teks ini dan juga tema yang baik terkandung di dalam teks ini. Ketiga-tiga aspek ini secara kolektif membuktikan bahawa Imam al-Sanūsi telah jauh mendahului zamannya dalam mereka bentuk sebuah model pendidikan akidah yang sis*tematik*, inklusif dan relevan untuk wanita Islam, di mana pendekatan pedagogi beliau yang merangkumi metode hafazan (*al-Ḥifẓ*), metode berlawanan (*al-Taqābul*) dan metode penyusunan berperingkat (*al-Tadarruj*) telah berjaya membentuk satu tradisi pendidikan akidah wanita Islam yang kukuh dan berterusan di Kontemporari sejak berabad-abad lalu hingga ke hari ini.

Kajian ini mempunyai beberapa kekuatan utama yang menyumbang kepada khazanah ilmu pendidikan Islam secara signifikan dan bermakna. Pertama: kajian ini merupakan antara kajian terawal yang meneliti teks *al-Mufīdah* secara khusus dan *relevansi*nya pada era kontemporari ini. Kedua: kajian ini berjaya memperkenalkan kerangka analisis *tematik* berasaskan teks *turath* yang menggabungkan pendekatan *turath* dan keadaan masyarakat khsususnya golongan wanita pada era kontemporari ini. Ketiga: kajian ini berjaya memperkenalkan kandungan teks *al-Mufīdah* terhadap pendidikan akidah wanita Islam di Kontemporari. Keempat: kajian ini turut menyumbang kepada usaha pengukuhan epistemologi Ahli al-Sunnah wa al- *Jamāʿah* dalam sistem pendidikan Islam di Kontemporari. Walaupun kajian ini berjaya mencapai objektifnya, beberapa batasan perlu diakui bagi membuka ruang kepada kajian lanjut yang lebih

komprehensif. Antaranya: Pertama: kajian ini hanya memfokuskan kepada satu teks karya Imam al-Sanūsi iaitu *al-Mufīdah* tanpa membuat perbandingan sis*tematik* dengan karya-karya akidah beliau yang lain. Kedua: kajian ini dilaksanakan secara kualitatif melalui analisis teks semata-mata tanpa melibatkan kajian lapangan atau pengujian empirikal. Ketiga: skop kajian ini terhad kepada konteks pendidikan akidah wanita Islam di Kontemporari secara umum tanpa meneliti secara khusus setiap negara. Justeru, kajian lanjut yang melibatkan ujian lapangan terhadap modul pendidikan akidah berasaskan *al-Mufīdah* amat digalakkan bagi memperkaya lagi khazanah ilmu pendidikan akidah Islam yang berasaskan turath di rantau ini.

RUJUKAN

Aḥmad Zarrūq al-Fāsī. (2012). *Iʿānat al-Mutawajjih al-Miskīn ilā Ṭarīq al-Fatḥ wa al-Tamkīn*. ed: Nizar Hammadi. Tūnis: Dār al-Imām Ibn ʿArafah.

Asywadie Syukur. (1992). Pemikiran-pemikiran Tauhid Syaikh Mohammad Sanusi. Surabaya: Pt Bina Ilmu.

Abd Azizi Saghir Adkhan (2011). *Al-'Alamah Imam As-Sanusi Wa Juhduhu Fi Khidmah Fi Al-Hadis Asyarif An-Nabawi*. Algeria: Dar Kardada.

Al-Aghdhawī, Muḥammad al-Ṭayyib. (1977). *Al-Imam al-Sanūsi: Ḥayātuhu wa Āthāruhu*. Maghribi, Rabat: Dar Al-Maghribi.

Ahmad Baba Al-Tumbuktī. (2004). *Nayl al-Ibtihāj bi-Taṭrīz al-Dībāj*. Taḥqīq wa taqdīm: ʿAbd al-Ḥamīd ʿAbd Allāh al-Harāmah. Ṭarābulus: Dār al-Kātib.

Che Zarrina Saari & Joni Tamkin Borhan. (2006). Peranan wanita dalam pengukuhan akidah umat islam. *Jurnal Usuluddin,* 23: 35-50.

Muhammad Al-Husaini Az-Zabidi. (2001) *Tajul Arus Min Jawhari Al-Qamus*. Beirut: Dar Ihya' At-Turath.

Muhammad Nuruddin. (2025). Dasar-Sasar Akidah Ahlussunnah Wal Jamaah Untuk Tingkat Pemula. Analisis dan Syarah Kitab Ummul Barahin. ed: Akhmad Dulfikar. Depok: Kaira.

Engku Hassan Engku Wok Zin & Mohd Fauzi Hamat. (2009). Pengaruh Umm al-Barahin Karangan Al-Sanūsi dalam Penulisan Karya Akidah di Kontemporari. *Jurnal Usuluddin*, 30: 1-31.

Hilmi Marjunit. (2019). Al-Mufidah li al-Wildan wa al-Nisa' al-Mu'minat. Kuala Lumpur: Apologia PLT.

Izham Hakimi Redzan. (2024). Perkembangan Penulisan Kalam Ash'ari di Barat Dunia Islam Selepas Era Imam Sanusi (W.895H). *Journal of Ifta and Islamic Heritage* 3(1): 59-96.

Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif. Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1, Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Johor Bahru.

Khalid Zahri. (2012). *Thalath 'Aqa'id Asha'ariyyah*. Titwan: Markaz Abi al-Hasan al-Ash'ari li al-Dirasat wa al-Buhuth al-'Aqdiyyah.

Mohd Norzi Nasir, Abur Hamdi Usman & Mohd Mahfuz Jaafar (Penyunting). (2020). *Wacana Tokoh & Kemasyarakatan dalam Pengajian Islam*. Kajang: Penerbit Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

Muhammad Ayman al-Akiti. (2023). Terjemahan Kitab al-Muqaddimāt dan al-'Aqidah al-Wusta

Mustafa Kamal Amat Misra & Mohd Hakim Arshad. (2018). *Peranan Muhammad bin Yusuf al-Sanūsi terhadap Kelangsungan Manhaj al-Ashāʿirah*. *International Conference on Aqidah, Dakwah and Syariah (IRSYAD 2018).*

Nizar Hammadi. (2015). *Musykilat Al-Bukhari Lil Imam Sanusi*. Kaherah, Mesir: Al-Markaz Al-Arabi Lil Kitab As-Syarikah.

Saraqusti. (2016). *Basa'ir Azhariah Ala Al-Wahib Al-Rabbaniyah*. Kaherah, Mesir: Al-Tasyrik Wa Al-Tabuzi' Kasyidah.

Said Foudah. (2024). *Syarah Sanusiyyah*. Jordan: Aslein Studies and Publication.

Saʿīd ʿAbd al-Laṭīf Foudah. (2004). *Tahdhīb Sharḥ al-Sanūsiyyah*. Jordan, Amman: Dār al-Rāzī.

Salasiah Hanin Hamjah et al. (2012). Factors Relating to Premarital Pregnancy Amongst Muslim Adolescents in Malaysia*. Research Journal of Medical Sciences* 6(6).

Siti Aishah Yahya & Sidar Nasrun. (2016). Tahap Penghayatan Agama dalam Kalangan Remaja Hamil Tanpa Nikah. *Jurnal Sains Sosial (JMMJSS)* Jilid 1: 17-35.

Yassin Ghanim Jasim. (2024). *Tabaqat Al-Asyai'rah A'yan Ahli Sunnah Waljamaah*. Beirut Lubnan: Dar Al-Kutub Ilmiah.

Yusuf bin Ilyan bin Musa Sarkis. (2023). *Mu'jam al-Matbu'at al-'Arabiyyah wa al-Mu'arrabah*. Kaherah, Mesir: Mutab'ah Sarkith Bi Misr.

Zainul Abidin Abdul Halim. (2021). 'Aqidah, Akal, Ilmu & Adab: Asas Pendidikan Imam al-Sanūsi. Malaysia: Nizamiyyah Publications & Distributors.